**PEJABAT KETUA PENDAFTAR**
**MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA**
**ISTANA KEHAKIMAN**
**PUTRAJAYA**

**KENYATAAN MEDIA**

# PEMAKLUMAN PENGENDALIAN KES-KES DI MAHKAMAH WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN NEGERI SELANGOR SELARAS DENGAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) DARI 14 OKTOBER HINGGA 27 OKTOBER 2020

Selaras dengan pengumuman oleh Menteri Kanan Pertahanan, YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob pada 12 Oktober 2020 berkenaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Negeri Selangor serta kenyataan media YBhg Tan Sri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara bertarikh 12 Oktober 2020 dan bagi membantu Kerajaan mengekang penularan wabak Covid-19 yang semakin meningkat, adalah dimaklumkan YAA Ketua Hakim Negara Tun Tengku Maimun binti Tuan Mat telah mengarahkan agar **Mahkamah Persekutuan Malaysia, Mahkamah Rayuan Malaysia, Mahkamah-Mahkamah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Mahkamah-Mahkamah di Negeri Selangor dan Mahkamah-Mahkamah Rendah di Wilayah Persekutuan Putrajaya berkuat kuasa 14 Oktober 2020 hingga 27 Oktober 2020**, arahan-arahan berikut adalah terpakai:

(a) Bagi Prosiding Pendengaran Kes-kes di Mahkamah

**Panduan Pengendalian Kes-Kes di Mahkamah Seluruh Malaysia Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit 1988 dan Akta Polis 1967** yang dikeluarkan oleh Pejabat ini bertarikh **17 Mac 2020**

(b) Bagi Operasi Kerja di Pejabat dan Kaunter-kaunter Perkhidmatan Mahkamah

**Garis Panduan Pengendalian Kes dan Tatacara Pengendalian Piawai Pencegahan Wabak COVID-19 Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat Dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan** yang dikeluarkan oleh Pejabat ini bertarikh **3 Mei 2020.**

(c) Pendengaran Kes Secara Dalam Talian Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan

Pendengaran kes boleh dibuat secara dalam talian seperti yang dinyatakan dalam **Pemakluman Pendengaran Kes Secara Dalam Talian Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Tahun 2020** yang dikeluarkan oleh Pejabat ini pada 26 Mac 2020 dan 24 April 2020. Butiran mengenai panduan ini boleh didapati dengan melayari portal rasmi Badan Kehakiman Malaysia di www.kehakiman.gov.my.

Walau bagaimanapun, pemakaian Panduan-panduan ini perlu diubah suai dengan mengambil kira keperluan Mahkamah-Mahkamah di Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Negeri Selangor dan tarikh PKPB.

Sekiranya agensi kerajaan, peguam dan orang awam mempunyai sebarang pertanyaan mengenai perkara di atas, bolehlah menghubungi pegawai-pegawai berikut:

(a) **Mahkamah Persekutuan Malaysia**
Puan Jumirah binti Marjuki
Timbalan Kanan Pendaftar Mahkamah Persekutuan
03-88803947 / 019-7302253 / jumirah@kehakiman.gov.my

(b) **Mahkamah Rayuan Malaysia**
Puan Norliza binti Othman
Pendaftar Mahkamah Rayuan
03-88804045 / 012-2367976 / norliza@kehakiman.gov.my

(c) **Mahkamah Tinggi Malaya**
Puan Hasbi bin Hasan
Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya
03-88803702 / 012-2098648 / hasbi@kehakiman.gov.my

(d) **Mahkamah Rendah Malaya**
Tuan M. Bakri bin Abd Majid
Pendaftar Mahkamah Rendah Malaya
03-88809418 / 019-9851333 / mbakri@kehakiman.gov.my

(e) **Mahkamah Negeri Selangor**
Puan Rozilah binti Salleh
Pengarah Mahkamah Negeri Selangor
03-55171306 / 019-7188799 / rozilah@kehakiman.gov.my

(f) **Mahkamah Kuala Lumpur**
Tuan Ahmad Kamar bin Jamaludin
Pengarah Mahkamah Kuala Lumpur
03-62094209 / 019-6566777 / ahmadkamar@kehakiman.gov.my

**Pejabat Ketua Pendaftar**
**Mahkamah Persekutuan Malaysia**
**Istana Kehakiman**
**Putrajaya**

**Tarikh: 13 Oktober 2020**